

09 SEP 1998

Komanwel-Kompleks

ORANG RAMAI MULAI KUNJUNGI KOMPLEKS SUKAN NEGARA

Oleh: Aziz Harun

KUALA LUMPUR, 9 Sept (Bernama) -- Orang ramai kini mulai membanjiri kawasan sekitar Kompleks Sukan Negara Bukit Jalil di sini untuk memeriahkan lagi Sukan Komanwel ke-16.

Tinjauan Bernama mendapati ramai di kalangan pengunjung mengambil kesempatan cuti sekolah untuk membawa kaum keluarga melawat kompleks sukan yang baru dibuka beberapa minggu lepas khusus untuk memeriahkan acara sukan kedua terbesar dunia itu.

Berpuluh-puluh tapak perniagaan mulai dibuka di sekitar kawasan Stadium Nasional untuk kemudahan orang ramai membeli cenderamata, menjamu selera atau hanya bersiar-siar melawat tempat pertandingan sambil mengutip risalah percuma yang diedarkan.

Kawasan berhampiran stesen LRT yang menyediakan tempat duduk juga dipenuhi dengan pengunjung yang melepaskan lelah selepas penat bersiar-siar dalam cuaca panas terik atau sekadar menonton pertunjukan air pancut berhadapan dengan Stadium Akuatik.

Kebanyakan pengusaha cenderahati baru hendak memulakan kerja-kerja menghias kawasan tapak perniagaan manakala para peniaga makanan pula bagai mendapat durian runtuh apabila gerai mereka dipenuhi pengunjung yang terdiri daripada atlit serta petugas sukan.

Bagi kebanyakan pengunjung, mereka tidak mempunyai banyak pilihan untuk mengisi perut kecuali mengunjungi gerai-gerai makanan yang disediakan walaupun rata-rata mengakui harganya agak tinggi berbanding di kawasan lain.

Seorang pengunjung yang ditemui, Nurul Aina Husin, 34, mengakui harga makanan di kawasan gerai makanan dekat stadium agak tinggi berbanding kebiasaannya.

Berlainan dengan beberapa petugas tetap di sini, mereka mempunyai pelbagai alternatif untuk mengisi perut seperti membawa bekalan makanan dari rumah, pulang ke tempat penginapan atau membeli makanan di luar dari kawasan stadium.

Beberapa acara sukan sudahpun dimulakan hari ini di beberapa tempat dan malam ini Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka menghadiri raptai upacara pembukaan Sukan Komanwel.

Mohd Faris Mahathir, 23, pula mempunyai alasan unik untuk mengunjungi kawasan stadium, iaitu untuk melihat kehadiran manusia dari pelbagai benua ke negara ini.

Selain dari berbangga dengan kehadiran mereka, Faris ingin melihat sendiri bagaimana persiapan yang disediakan oleh negara untuk menyambut kehadiran pelawat luar itu.

Hasrat Faris tidak dihampakan apabila di sana-sini kelihatan para atlit luar negara, pelbagai bentuk dan warna kulit, berpakaian seragam negara masing-masing berkeliaran mahupun bergerak berkumpulan.

Sekumpulan remaja yang sedang riuh membelek cenderahati yang ditawarkan di kawasan itu akhirnya memutuskan untuk tidak membeli sebarang cenderahati yang ditawarkan dengan alasan harganya yang agak tinggi.

-- BERNAMA

AZH AKD